

## KERAJAAN NEGERI KELANTAN

### PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN NEGERI KELANTAN BILANGAN 22 TAHUN 2019

#### DASAR PENGURUSAN PERMIT PEMINDAHAN BAHAN BATUAN DARI LUAR KELANTAN UNTUK “STOCKPILE” DI NEGERI KELANTAN

Pekeling ini dikeluarkan untuk memberitahu semua Pentadbir- Pentadbir Tanah Negeri Kelantan bahawa, Majlis Mesyuarat Kerajaan yang bersidang pada 20.11.2019 semasa menimbang Kertas Bilangan 24/2019/D 3 (3) telah meluluskan Dasar Pengurusan Permit Pemindahan Bahan Batuan dari Luar Kelantan untuk “stockpile” di Negeri Kelantan.

2. Dasar dan pelaksanaan yang telah diluluskan itu perlu dilaksanakan oleh Pentadbir Tanah di seluruh Negeri Kelantan sebagaimana berikut:-

- 2.1 Permohonan Permit Pemindahan Bahan Batuan perlu dibuat di Pejabat Tanah Dan Jajahan.
- 2.2 Deposit royalti akan dikenakan **sebanyak 10%** daripada nilai berdasarkan “Bill of Quantity” daripada pihak penguasa dan bayaran deposit tersebut hendaklah dijelaskan kepada Pentadbir Tanah Jajahan yang berkenaan untuk setiap permohonan yang diluluskan dan ianya adalah mandatori.
- 2.3 Pentadbir Tanah hendaklah mengutip royalti tambahan bagi kes-kes pengalihan dan pengangkutan bahan batuan secara berlebihan dari jumlah kuantiti anggaran awalan yang diisyiharkan.
- 2.4 Sekiranya royalti yang telah dibayar tidak digunakan sepenuhnya di akhir tempoh permit, bakinya hendaklah dipulangkan kepada pengusaha berkenaan.

- 2.5 Pengenaan bayaran Royalti melalui Permit Bahan Batuan (Borang 4C, KTN 1965) bagi pengalihan dan pengangkutan bahan batuan dari kawasan "stockpile" melalui Pejabat Tanah dan Jajahan yang berkenaan.
  - 2.6 Bahan batuan dari Luar Negeri Kelantan perlu dikenakan caj perkhidmatan yang melibatkan dua aktiviti oleh pengusaha / kontraktor.
    - i) Bahan batuan yang dipindah ke "stockpile" dikenakan caj perkhidmatan RM2.00/meter padu atau bahan batuan yang dipindah ke tapak projek dikenakan caj perkhidmatan RM2.00/meter padu; dan
    - ii) Bahan batuan yang dipindah dari 'stockpile' ke tapak projek juga dikenakan caj perkhidmatan RM2.00/meter padu.
  - 2.7 Caj perkhidmatan tersebut dikenakan berdasarkan "Bill of Quantity" daripada pihak penguasa projek tersebut.
3. Tatacara Permohonan yang perlu digunakan adalah seperti berikut:-
- 3.1 Permohonan dibuat kepada Pentadbir Tanah berkenaan hendaklah menggunakan borang permohonan seperti di **Lampiran A** dan setiap permohonan hendaklah disertakan dengan dokumen dan pelan yang diperlukan.
  - 3.2 Pentadbir Tanah akan mendapatkan ulasan teknikal dari jabatan teknikal yang berkenaan seperti Jabatan Kerja Raya (JKR) dan Pihak Berkuasa Negeri (PBN) sahaja kerana aktiviti ini tidak melibatkan pengorekan atau pencucian pasir melainkan penapisan secara kering dan ianya berkenaan jalan keluar masuk sahaja.
  - 3.3 Sekiranya terdapat aktiviti pencucian pasir yang melibatkan penggunaan air, ulasan Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Kelantan (JPS) dan Jabatan Air Negeri Kelantan adalah diperlukan.
  - 3.4 Jabatan Teknikal diberikan masa selama dua (2) minggu untuk memberikan ulasan. Kegagalan mengemukakan ulasan dalam masa yang

- ditetapkan membolehkan Pentadbir Tanah memproses permohonan tanpa mengambil kira ulasan dari jabatan teknikal yang berkenaan, selaras dengan arahan semasa Pihak Berkuasa Negeri.
- 3.5 Setelah keputusan dibuat, Pentadbir Tanah selanjutnya mengeluarkan permit seperti di **Lampiran B** untuk tempoh tidak lewat dari penghujung tahun Kalender.
4. Pentadbir Tanah boleh menyemak kadar caj perkhidmatan ini dari semasa ke semasa bergantung kepada keadaan pasaran dan juga kadar royalti yang dikenakan oleh Kerajaan Negeri.
5. Pentadbir Tanah akan mengarahkan kakitangannya bagi mengawal dan memastikan permit, doket pemindahan bahan batuan di tapak "stockpile" perlulah selaras dalam setiap muatan dengan kuantiti pemindahan sebenar dan membuat rekod/laporan berkala.
6. Pentadbir Tanah boleh mengenakan syarat-syarat tambahan sepertimana yang digunakan dalam menguruskan permit pemindahan bahan batuan sebagaimana kelaziman.
7. Pekeliling ini berkuatkuasa pada 1.1.2020.



**DATO' HAJI ZAMRI BIN HAJI ISMAIL, D.P.S.K (Kelantan), K.M.N.  
PENGARAH TANAH DAN GALIAN  
KELANTAN.**

**KEPADA :**

Yang Amat Berusaha,  
Semua Pentadbir Tanah Jajahan Negeri Kelantan.

**SALINAN KEPADA :**

1. YAB. Ustaz Dato' Bentara Kanan Menteri Besar Kelantan
2. YB. Dato' Timbalan Menteri Besar Kelantan
3. YB. Dato' Kaya Setia Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan
4. YB. Dato' Penasihat Undang-Undang Negeri Kelantan
5. YB. Dato' Pegawai Kewangan Negeri Kelantan
6. YABrs. Pengarah Audit Negeri Kelantan
7. YABrs. Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Kelantan
8. YABrs. Pengarah Jabatan Alam Sekitar Negeri Kelantan
9. YBrs. Ketua Penolong Setiausaha Majlis Mesyuarat Kerajaan Kelantan

**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN  
NEGERI KELANTAN  
BLOK 3 KOTA DARULNAIM  
15576 KOTA BHARU, KELANTAN**

**NO. FAIL : PTG.PK.18/5-39/2019  
BERTARIKH : 2 JAMADIL AWAL 1441 HIJRAH  
29 DISEMBER 2019**

**PERMOHONAN PENGGUNAAN BAHAN BATUAN UNTUK TUJUAN LAIN  
(SIMPANAN STOK / LONGGOKAN BAHAN BATUAN)**

No ..... pada 20 ..... Negeri .....  
 Daerah .....  
 Diterima pada ..... haribulan ..... 20 ..... pada ..... pagi / petang.

Pentadbir Tanah

Tuan,

Tarikh: .....

Saya/Kami dengan ini memohon daripada Pihak Berkuasa Negeri untuk menggunakan sebahagian daripada tanah yang diperihalkan di bawah untuk tujuan

2. Bersama-sama ini dilampirkan pelan terperinci untuk tujuan tersebut, carian rasmi\* dan fee sebanyak RM ..... untuk tindakan selanjutnya oleh pihak tuan.

- (i) Satu Salinan permit sebelumnya/permit diperbaharui sebelumnya dan/atau
- (ii) Pelan terperinci seperti yang dinyatakan (jika tujuan berlainan sebelumnya).
- (iii) Carian rasmi.

3. Nama Penuh Saya/Kami, No Kad Pengenalan dan Alamat:-  
 Nama:

No. Kad Pengenalan:

Alamat:

(Tandatangan Pemohon)

(Tandatangan Pemohon)

**PERIHAL MENGENAI TANAH**

Bandar/Pekan/Mukim:

\*Tanah Kerajaan/Tanah Rizab/Tanah Berimilik:

Butiran Tanah:

Luas: ..... Kawasan yang dipohon: .....

Kategori/Syarat Tanah:

(\*Sila isi/potong mana berkenaan)

No.	Permit:
.....	.....
Daerah	.....

**PERMIT PENGGUNAAN TANAH UNTUK TUJUAN LAIN (SIMPANAN STOK/LONGGOKAN BAHAN BATUAN)**

Fee RM: .....

No. Resit: .....

Pemegang Permit: .....

Alamat: .....

No. Kad Pengenalan/No. Syarikat: .....

Kamu dengan ini dibenarkan untuk menggunakan sebahagian tanah yang diperihalkan di bawah ini bagi tujuan.....

tertakluk kepada terma dan syarat yang dinyatakan dalam JADUAL di bawah dan/atau surat kebenaran oleh Pihak Berkuasa Negeri dan/atau kepada mana-mana peruntukan lain yang ditetapkan.

Dikeluarkan pada ..... haribulan ..... 20 .....

Pentadbir Tanah/Pegawai Berkuasa

**PERIHAL MENGENAI TANAH**

Bandar/Pekan/Mukim: .....

\*Tanah Kerajaan/Tanah Rizab/Tanah Berimilik:

Perihal Hakmilik: .....

Luas: ..... Kawasan yang diluluskan:

*(\*Sila isi/potong mana berkenaan)*

## JADUAL

- (1) Permit ini hendaklah bermula pada ..... dan tamat pada.....
- (2) Kawasan yang diluluskan tidak boleh digunakan bagi tujuan selain daripada .....
- (3) Permit ini tidak boleh diserahkan hak tanpa kebenaran Pihak Berkuasa Negeri.
- (4) Permit ini hendaklah tamat sekiranya berlaku kematian, atau pembubaran perbadanan/syarikat, yang pada masa itu berhak mendapat faedahnya.
- (5) Permit ini boleh dibatalkan serta merta dan tanpa sebarang bayaran pampasan sekiranya terdapat perlanggaran pada apa-apa terma dan syarat melalui notis yang telah disampaikan dengan teratur atau secara Pos Berdaftar.
- (6) Syarat Tambahan:  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....

(Masukkan apa-apa terma/syarat tambahan di sini)

Saya/Kami dengan ini benar-benar memahami semua terma dan syarat yang terkandung dalam Permit ini dan bersetuju untuk mematuhiinya.

.....  
(Tandatangan Pemegang Permit)

.....  
(Tandatangan Pemegang Permit)